



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S)800-4/2/51(8)
Tarikh : 26 Ogos 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

PEMBERIAN BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP KEPADA PEGAWAI YANG DILULUSKAN CUTI PERUBATAN KHAS

Saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, Perenggan 6 Ceraian PP.1.2.4. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: *Prosedur Membersarakan Pegawai Atas Sebab Kesihatan* telah menetapkan bahawa pegawai yang diluluskan Cuti Perubatan Khas (CPK) layak menerima gaji pokok dan imbuhan tetap berdasarkan jawatan hakikinya. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 bagi pemberian Imbuhan Sara Hidup (BISH) pula menetapkan syarat bahawa pegawai yang diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh layak menerima BISH, tanpa menyatakan dengan khusus kelayakan elaun ini bagi pegawai dalam tempoh CPK.

3. Oleh yang demikian, telah timbul ketidakseragaman tafsiran syarat pemberian BISH kerana BISH bukan merupakan suatu imbuhan tetap di bawah peraturan CPK. Sehubungan itu, Jabatan ini telah meneliti perkara berkenaan dan memutuskan bahawa pegawai yang diluluskan CPK layak untuk menerima BISH.

4. Penambahbaikan syarat pemberian BISH kepada pegawai yang diluluskan CPK adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Ketua Jabatan dikehendaki melaksanakan urusan pembayaran BISH ini dengan rapi dan teratur serta mematuhi tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.

5. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)